



**NOTIS SEBUTHARGA JABATAN KERJA RAYA JEMPOL  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEBUTHARGA BIL: SHJ (N) 024/2022**

**Sebutharga untuk: KERJA-KERJA MEMBINA TEMBOK PENAHAN (GABION) DI JALAN DANGI – BAHAU (N17) SEKSYEN 25.9 DALAM DAERAH JEMPOL, NEGERI SEMBILAN.**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PPK, STB dan sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah) atau PPK, STB dan sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak) dalam Gred **G2** Kategori **CE** Pengkhususan **CE08 & CE21**. **Sila sertakan Surat Kebenaran Khas CIDB bagi kontraktor yang tidak mempunyai kod yang tertera semasa pembelian & penghantaran sebut harga.**
2. Borang Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **13 April 2022 (Rabu)** hingga **19 April 2022 (Selasa)** di Pejabat Jurutera Daerah, JKR Jempol, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan menyertakan **wang tunai** berharga **RM 50.00** yang dibuat di atas nama **Bendahari Negeri (Negeri)** atau **Jabatan Akauntan-Negara (Persekutuan)**. **Waktu penjualan borang sebutharga** adalah seperti berikut:

TARIKH	MASA
13/04/2022-19/04/2022	8.30 PAGI – 12.30 TENGAH HARI

3. Lawatan tapak **tiada**. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor dikehendaki membawa perakuan / sijil **ASAL** PPK dan SPKK yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ATAU PPK dan Sijil Pendaftaran PUKONSA / UPKJ serta STB bersertakan satu salinan perakuan / sijil.
4. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Jurutera Daerah, JKR Jempol, Negeri Sembilan Darul Khusus** **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada tarikh 20 April 2022 (Rabu)**
5. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan kenyataan tawaran ini boleh menghubungi kami [(Urus setia Sebut harga (Naskah Sebut Harga) / Bahagian Jalan (Skop Kerja) / Kew (Pembayaran)] di talian kami 06-4581862/63 dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang .

.....  
**WAN GHAZALI BIN WAN ASMAN SHUKOR**

Jurutera Daerah  
Jabatan Kerja Raya Jempol

Tarikh: **31/3/2022**